

BERITA HARIAN, RABU, 27 JANUARI, 1982

SEMANGAT MUHIBAH SAMBUT 'TAHUN ANJING'

KUALA LUMPUR, Selasa — Masyarakat Cina di Malaysia menyambut kedatangan Tahun Anjing dengan semangat muhibah dan persefahaman. Perayaan itu turut disertai oleh rakyat dari kaum lain.

Tahun baru kali ini boleh dianggap sebagai "Tahun Anjing Melompat" kerana ia disambut setengah jam lebih awal berikutan penyeragaman zon waktu antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

"Bencana" inflasi dan ketidakstabilan harga barangan utama negara ini sedikit sebanyak mendatangkan kesan "kurang baik" terhadap perayaan tahun ini.

Bagaimanapun, rakyat Cina yang bergantung hidup kepada bijih timah merupakan golongan paling bernasib baik berikutan dengan kenaikan harga bahan tersebut baru-baru ini.

Tahun Baru Cina seperti juga perayaan kebangsaan yang lain disambut dengan sederhana dan rakyat Malaysia dari segenap lapisan dan keturunan turut bergembira bersama rakyat keturunan Cina.

Sementara itu, beberapa Menteri Kabinet mengadakan upacara rumah terbuka bagi meraikan saudara mara dan orang ramai yang lain.

Antaranya termasuk Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Goh Cheng Teik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah mengetuai "rombongan Kabinet" dalam kunjungan ke kediaman Datuk Lee, Datuk Leong, Datuk Chan dan Dr. Goh.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan isterinya, Datin Maria.

Antara Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri yang hadir ialah Menteri Kerjasama dan Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu, Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani,